

**EK/X**

**JANGAN TOLAK RANG UNDANG-UNDANG BANTU FIRMA BERMASALAH: PM**

**EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM.**

**KUALA LUMPUR, 25 OGOS (BE BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGESA BANK-BANK SUPAYA TIDAK MENOLAK CADANGAN RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT-SYARIKAT (PINDAAN) 1968 YANG TELAH DIDRAFKAN UNTUK MENYELAMATKAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERMASALAH.**

**BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN PERSATUAN BANK-BANK MALAM INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN RANG UNDANG-UNDANG DALAM BENTUK YANG ADA MUNGKIN TIDAK DAPAT DITERIMA, TOKOH-TOKOH BANK HARUS MENGAJAI DAN MEMBUAT CADANGAN BAGI PINDAAN DI MANA DIFIKIRKAN PERLU.**

**BELIAU BERKATA TERDAPAT BANYAK MASA LAGI SEBELUM IA DIBAHASKAN DI PARLIMEN.**

**KERAJAAN TELAH MERANGKA PINDAAN ITU SELEPAS MENGAJAI PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG SERUPA DI AMERIKA SYARIKAT YANG DIKENALI SEBAGAI PERUNTUKAN KOD KEBENKRAPAN AS, BAB SEBELAS, DAN DI EROPAH DAN SINGAPURA.**

**PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN MENGUBAHSUAI SYARAT-SYARAT DASAR EKONOMI BARU (DEB) BERHUBUNG EKUITI UNTUK MENLAKSANAKAN DASAR YANG BERKAITAN DENGAN GUNATENAGA.**

**"KERAJAAN SEDANG MENGAJAI SYARAT-SYARAT TERTENTU SUPAYA PARA PELABUR TIDAK TERAGAK-AGAK TERHADAP BILA DAN BAGAIMANA KAMI BERSEDIA UNTUK MELEPASKAN PENYERTAAN EKUITI BAGI MENDAPATKAN KERJA UNTUK RAKYAT MALAYSIA." TAMBAH DR. MAHATHIR**

**BERDASAR PADA KADAR PERTUMBUHAN MENGALAKAN TERHADAP DEB, SYARAT-SYARAT TERTENTU YANG HENYEKAT PERKEMBANGAN AKAN DIUBAHSUAI BAGI MENGHAPUSKAN RINTANGAN INI.**

**MISALNYA BERHUBUNG DENGAN PERMIT KERJA, PERDANA MENTERI BERKATA FAKTOR-FAKTOR SEPERTI JUMLAH MODAL YANG DIBAWA MASUK, ALIRAN EKSPORT DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI AKAN DIPERTIMBANGKAN.--LAGI**

EK/K

JANGAN TOLAK RANG UNDANG-UNDANG 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU BERKATA, "KITA AKAN LEBIH BERTOLAK ANSUR DALAM MENGELUARKAN PERMIT KERJA MENURUT KEPERLUAN INDUSTRI TERTENTU."

MENGENAI BEBERAPA MASALAH EKONOMI NEGARA, DR. MAHATHIR BERKATA PENYEBAR BERITA ANGIN DAN ETIKA URUSAN BANK YANG TIDAK SIHAT BOLEH MERUMITKAN USAHA-USAHA KERAJAAN MENGATASI MASALAH EKONOMI.

BELIAU MENERANGKAN BAGAIMANA MUDAHNYA KHABAR-KHABAR ANGIN BOLEH MENYEBABKAN PARA PENYIMPAN MENGELUARKAN WANG SECARA LUARBIASA DI BANK-BANK SEMENTARA MEREKA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAPAT MENGAUT KEUNTUNGAN DENGAN MENJEJASKAN EKONOMI NEGARA.

MEMBERI CONTOH BAGAIMANA BANK MILIK ASING CUBA UNTUK MENJEJASKAN NILAI RINGGIT APABILA BANK-BANK DITUTUP PADA HARI RAYA HAJI LALU DENGAN MELAKUKAN SPEKULASI BAHAWA MATAWANG ITU AKAN DITURUNKAN NILAINYA SEBANYAK 18 PERATUS, KATANYA:

"SUNGGUH MEMERANJATKAN APABILA BANK-BANK CUBA MENGAUT KEUNTUNGAN CEPAT DENGAN MENJEJASKAN USAHA-USAHA NEGARA UNTUK MEMULIHKAN KEADAAN EKONOMI."

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MAHU BANK-BANK DI NEGARA INI TERUS MENIKMATI KEPERCAYAAN ORANG RAMAI.

BELIAU BERKATA SATU CARA YANG BOLEH MEREKA LAKUKAN IALAH MENENTUKAN WANG SIMPANAN ORANG RAMAI ADALAH SELAMAT.

SATU LAGI PERKARA YANG DIBERI PERHATIAN IALAH MEMANIPULASIKAN SAHAM-SAHAM DI PASARAN SAHAM.

BELIAU BERKATA PRESTASI SESEBUAH SYARIKAT ATAU ASETNYA NAMPAKNYA TIDAK ADA KAITAN DENGAN NILAI PASARAN SAHAM-SAHAM ITU.

"LEBIH BURUK LAGI, SAHAM-SAHAM YANG TIDAK WUJUD DAPAT DIJUAL DAN DIBELI PADA HARGA YANG DITETAPKAN OLEH KHABAR-KHABAR ANGIN DAN PERKARA YANG DIBAYANGKAN," TAMBAHNYA.

"BERIKUTAN DENGAN ITU, SEBUAH NEGARA BOLEH KERUGIAN BERJUTA-JUTA RINGGIT TANPA SEBAB YANG BAIK," KATA DR. MAHATHIR. "SUDAH TENTU, IA JUGA BOLEH MEMBAYANGKAN MEMPEROLEHI BERJUTA-JUTA RINGGIT BAGI TANPA SEBAB YANG BAIK."

MENGENAI KOPERASI-KOPERASI PENERIMA DEPOSIT YANG BERMASALAH (DTC), PERDANA MENTERI MENYELAR MEREKA YANG TERBABIT YANG GAGAL MENGKRITIK MEREKA YANG TELAH MELAKUKAN KESALAHAN PADA HAL DALAM KES-KES LAIN MEREKA MELAHIRKAN KEINGINAN MENGHUKUM MEREKA YANG TERLIBAT, TANPA MENGAMBIL KIRA KESAN KEPADA ORANG RAMAI.

BELIAU BERKATA KEBANYAKAN SKANDAL DAN PENYALAHGUNAAN WANG OLEH PARA EKSEKUTIF KERANA INGIN KAYA CEPAT.--BE BERNAMA